

**Kerajaan Cari Kaedah Bantu Pekebun Kecil Getah Dan Sawit - Shafie Apdal
Bernama
6 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan mencari kaedah terbaik untuk membantu pekebun kecil getah dan kelapa sawit yang kini berdepan krisis penurunan harga komoditi itu.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata kementerianya akan bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk tujuan itu.

"Mesyuarat Kabinet semalam kita ada bincang mengenai keadaan harga getah dan sawit yang turun sejak kebelakangan ini, dan keputusan yang diambil adalah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan mencari penyelesaian membantu pekebun kecil ini," katanya kepada pemberita, di sini Khamis.

Beliau yang ditemui pada majlis Hari Raya Risda 2012, berkata Risda juga akan membantu dengan mewujudkan insentif bagi meringankan beban pekebun kecil.

"...sekarang ini kita sudah kenal pasti baja, latihan dan benih yang secara percuma kita berikan kepada mereka dan langkah ini kita akan lihat dengan lebih serius lagi pada masa hadapan sekiranya mampu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692563>